



KENYATAAN MEDIA

TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA DAN TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

USAHA MEMPERKUKUH KEHARMONIAN RAKYAT

Mesyuarat Strategi Keharmonian dan Tadbir Urus Berkaitan Isu Rumah Ibadat Bukan Islam telah diadakan hari ini dan dipengerusikan bersama oleh Timbalan Menteri Perpaduan Negara serta Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwat Agama).

Mesyuarat ini diadakan bagi **membincangkan secara bersama dan konstruktif berkaitan aspek tadbir urus yang melibatkan isu rumah ibadat bukan Islam**. Perbincangan turut memberi tumpuan kepada aspek **pengurusan, penyelarasan serta pendekatan terbaik dalam menangani isu yang timbul selaras dengan kerangka pentadbiran sedia ada**.

Perbincangan turut menyentuh keperluan untuk memperkukuh kefahaman berkaitan **prosedur dan garis panduan dalam pengurusan serta pembinaan rumah ibadat**. Pada peringkat Persekutuan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memainkan peranan penting dalam penyelarasan hal ehwal rumah ibadat bukan Islam, termasuk melalui Unit Penyelarasan Dana Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang memantau dan menyelaras pemberian dana berkaitan.

Sehubungan itu, semua pihak wajar mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh KPKT berkaitan pengesahan serta pengurusan tapak rumah ibadat. Perkara ini berlandaskan peruntukan undang-undang sedia ada termasuk Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) serta Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang memberikan kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengawal selia struktur bangunan, aspek

kebersihan serta memastikan tiada pembinaan rumah ibadat dilakukan tanpa kebenaran dalam kawasan pentadbiran masing-masing.

Kerajaan akan terus **menyediakan platform dialog bersama wakil komuniti agama bagi memastikan sebarang isu dapat ditangani melalui pendekatan perundingan, kefahaman bersama dan semangat perpaduan**. Pada masa yang sama, kerajaan menegaskan bahawa mana-mana pihak yang memainkan atau mengeksploitasi isu berkaitan agama, kaum dan institusi diraja (3R) sehingga menjejaskan keharmonian masyarakat tidak akan dikompromi, dan tindakan sewajarnya boleh diambil oleh pihak berkuasa selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa. **Pendekatan dialog, rundingan dan mediasi akan terus menjadi kaedah utama dalam mengurus sebarang isu melibatkan komuniti pelbagai agama agar setiap perkara dapat ditangani secara berhemah tanpa menjejaskan keharmonian dan perpaduan masyarakat.**

Mesyuarat ini turut dihadiri oleh pengerusi dan wakil rumah ibadat pelbagai agama dari seluruh negara, termasuk komuniti Hindu, Kristian, Buddha, Tao, Sikh dan Bahai. Turut hadir wakil daripada beberapa agensi kerajaan antaranya Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS), PLANMalaysia serta agensi berkaitan yang lain.

YB TUAN YUNESWARAN RAMARAJ

Timbalan Menteri Perpaduan Negara

YB SENATOR PUAN MARHAMAH BINTI ROSLI

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

KPN.100-9/1/16 (17)